

Islam dan Peperangan

dīna al-ḥaqqi, minā alladhīna ūtu al-kitāba ḥattā ya'fū al-jizyata 'an yadin wa hum ṣāghirūn".

Ertinya: "Perangilah orang-orang yang tidak percaya kepada Allah dan tidak pula percaya kepada Hari Kemudian (Kiamat), mereka mengharamkan apa-apa yang telah diharamkan oleh Allah dan tidak pula mereka beragama dengan agama yang benar, iaitu di antara mereka *ahl al-kitāb* (Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar *jizyah* (uhti) dengan tangan mereka sendiri, mereka dalam keadaan merendahkan diri". (*Sūrat al-Tawbah* 29)

Maka cukai-cukai dari kafir *dhimmī* ini adalah seperti zakat daripada umat Muslimin. Kedua-dua cukai dan zakat ini wajiblah ditunaikan kepada negara. Cukai ini tiadalah diwajibkan kecuali kepada ahli-ahli *dhimmah* yang benar-benar sihat dan mempunyai kekemampuan⁶ membayarnya kepada negara.

Peperangan Penting Dalam Islam:

Tetapi Islam mempunyai konsep yang tersendiri yang tidak boleh dilanggar oleh umat Muslimin jika mereka ingin mendapat keredaan Allah dan rasul-Nya. Islam mengizinkan peperangan adalah semata-mata bagi menjamin kebebasan akidah — ideologi dan agama. Juga bagi menjamin jiwa dan harta benda Muslimin dari pencerobohan dan perbudakan.

⁶ Perkataan yang sebenar adalah kemampuan.

Adapun pembukaan perbukitan dan pusan pusan

daerah hingga keluar dari perbatasan bumi Arab, bukanlah semata-mata dilakukan atas tujuan penjajahan dan perhambaan. Tetapi adalah dengan tujuan bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan kerajaan Islam. Dan juga suka mengajak negara-negara di luar bumi Arab bagi menganut agama yang benar, adil dan sejahtera.

Oleh yang demikian adalah dari sangkaan yang karut dan tuduhan yang liar, tidak jujur dari kaum Orientalis Barat yang menggambarkan bahawa perkembangan Islam itu disebarikan melalui peperangan dan mata pedang di tangan pahlawan-pahlawan Arab yang gagah berani serta perkasa di zaman silam itu.

Apa yang direka oleh mereka itu

adalah dusta sama sekali. Benarlah apa yang ditegaskan oleh al-Qur'ān:


"Kaburat kalimatan takhruju min afwāhihim an yaqūlūna illā kadhībā".

Ertinya: "Besar sekali kata-kata yang keluar dari mulut mereka, mereka tidak mengatakan yang demikian, melainkan dengan berdusta semata-mata" (*Sūrat al-Kahf*: 5)

Kata-kata Hikmah

Apabila engkau berpisah diri dengan seseorang, maka hendaknya perpisahan itu dilakukan dengan baik di dalam perkataan dan perbuatan-perbuatan kerana engkau tidak tahu barangkali pada suatu masa nanti engkau akan berjumpa lagi dengannya.

(al-Hamazānī)



Pasukan payung terjun mengambil peranan utama dalam angkatan perang negara-negara Islam di zaman moden.



Pertanyaan dari:

Cik Latifah binti Awang.
Kampung Banggal Sentul,
Repeh — Pasir Mas — Kelantan.
Dalam surat khabar surat khabar harian Melayu

hari ini ada ruangan “Meneka Bola Sepak” dan “Bola Jaring”. Si pemenang akan mendapat hadiah wang yang tertentu jika ia berjaya menekanya. Saya ingin tahu adakah wang ini halal dimakan oleh orang-orang Islam ataupun tidak?

Jawab

Wang yang tidak halal dimakan oleh orang-orang Islam ialah wang kemenangan yang didapati dari “judi” walau apa bentuk dan coraknya termasuk loteri, cap jiki dan tikam ekor, kerana “judi” adalah termasuk dalam erti kata “*al-maysir*” yang dilarang oleh Allah sebagaimana firman-Nya yang tersebut di dalam al-Qur’ān *sūrat al-Mā’idah* ayat (90):

“*Yā ayyuhā alladhīna āmanū innamā al-khamru wa al-maysiru wa al-anṣābu wa al-azlāmu rijsun min ‘amali al-shayṭāni fa ijtanibūhu la‘akum’ tuffihūn.*”

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, berjudi, berkorban untuk berhala dan bertenggang itu adalah perbuatan syaitan. Oleh itu jauhilah akan perbuatan itu supaya kamu mendapat kemenangan.”

Judi adalah satu permainan yang semata-mata bergantung kepada nasib, bukan dengan tenaga dan fikiran, tambahan pula di dalamnya didapati tipu daya yang paling kotor dengan maksud untuk mencari keuntungan besar tanpa berusaha membanting tulang dan memerah keringat.

Islam sebagai satu agama yang menggalakkan pemeluk-pemeluknya supaya giat berusaha, rajin bekerja demi untuk mencari kemajuan hidup di dunia dan akhirat tentu sekali tidak suka melihat pemeluk-pemeluknya mencari keuntungan tanpa menggerakkan tenaga dan menjalankan fikiran yang telah dikurniakan Tuhan itu. Oleh sebab itulah Islam melarang umatnya bermain judi.

Tetapi masalah “Meneka Bola Sepak” yang puan tanyakan itu tidaklah termasuk dalam erti kata “judi”. Oleh itu wang kemenangan yang didapati daripadanya itu halal dimakan. Sebab meneka bola yang telah dipadamkan dari gambar asalnya itu adalah dengan menggunakan akal fikiran, meneliti dengan cermat arah letak bola yang telah dihilangkan itu. Ini tentulah berhajat kepada kemahiran dan kepintaran.

Dan lagi dengan membeli surat khabar tentu niat kita lebih berat kepada hendak membaca berita, meninjau fikiran-fikiran orang ramai sambil menyelidiki makalah-makalah ilmiah yang terkandung di dalamnya. Soal meneka bola atau meneka fesyen yang dengan secara kebetulan diadakan di ruangan surat khabar itu adalah perkara sambilan. Dalam pada itu terpulanglah kepada niat masing-masing, kerana dalam soal niat ini Rasullah ada bersabda:

“*Innamā al-‘amālu bi al-niyyāti wa li kulli*

imri’in mā nawā”

Ertinya: “Sesungguhnya segala perbuatan itu adalah bergantung kepada niat dan bagi tiap-tiap seorang itu apa yang diniatkannya.”

Tegasnya segala jenis peraduan yang diadakan oleh mana-mana pihak akhbar harian, mingguan dan majalah tidaklah ditegah kita menekanya. Asal sahaja ia tidak berbentuk “judi” yang termasuk dalam perbuatan yang dilarang oleh agama kita Islam.

Pertanyaan daripada:

Abdul Shukur bin Husin,
Kampung Batu Balai,
Jerantut — Pahang.

Dalam kitab suci al-Qur’an al-Karim surah-surah yang terkandung di dalamnya ada dua jenis, surah “*al-Makkiyyah*” dan ada pula surah “*al-Madaniyyah*”. Saya harap tuan akan dapat menerangkan jenis kedua-dua surah itu dan apa perbezaan antara keduanya?

Jawab

Kalau kita membaca dan mengkaji kitab-kitab sejarah al-Qur’ān, maka di sana kita dapati beberapa keterangan yang menunjukkan bahawa kitab suci al-Qur’ān itu diturunkan dengan cara beransur-ansur, ayat demi ayat dan adakalanya surah demi surah — jika surah itu pendek.

¹ Perkataan sebenar ialah *la‘allakum*.